

Sidang akhbar PM riuh dengan pelakon video

KUALA LUMPUR 12 April — Suasana serius di sidang akhbar Perdana Menteri selepas satu perjumpaan Barisan Nasional hari ini menjadi lucu apabila timbulnya persoalan sama ada orang yang berlakon videotape layak menjadi calon pilihanraya.

Dato' Sri Dr. Mahathir pada mulanya ditanya mengenai kriteria pemilihan calon untuk pilihanraya akan datang.

Menurutnya, calon-calon yang dipilih hendaklah terdiri daripada mereka yang siaman, tidak bangkrap dan sebagainya. Semua faktor diambil kira.

Sebaik sahaja Perdana Menteri menjawab, seorang

wartawan yang lain mencelah: "Apakah mereka yang terlibat dalam skandal videotape akan dipilih?"

Soalan beliau membuatkan dewan sidang akhbar itu riuh dengan gelak ketawa.

Perdana Menteri bertanya balik, "Siapa dia yang terlibat dengan videotape?"

Soalan: "jikalau ada."

Dato' Sri Dr. Mahathir: "Ah...jikalau ada. Kita tidak akan timbang orang yang usaha, rancang mencuri videotape untuk cari *political mileage*. Orang macam itu kita tidak timbang untuk jadi calon kita."

Soalan: "Yang berlakon macam mana?"

Soalan ini membuatkan semua yang hadir ketawa dengan begitu kuat kerana tidak tertahan dengan kelucuannya.

Dato' Sri Dr. Mahathir: "Yang berlakon kita tengoklah kalau dia berlakon betul-betul. Kalau orang lain mana kita tahu kadang - kadang rupa semacam, pelanduk dua serupa."